

Didik Hibur *dalam* Pembelajaran Bahasa Melayu

Pendidikan bahasa Melayu sangat dititikberatkan dalam bidang pendidikan di Malaysia. Sejak dahulu hingga kini, pendidikan bahasa Melayu mengalami perkembangan mengikut peredaran zaman. Dalam hal ini, pendidikan bahasa Melayu melalui tiga peredaran zaman, iaitu zaman pramerdeka, zaman pascamerdeka dan zaman Dasar Ekonomi Baru.

Kedudukan pendidikan bahasa Melayu ini penting apabila beberapa kali dibincangkan dalam Laporan Razak 1956. Menteri Pelajaran pada ketika itu mencadangkan penubuhan sekolah Melayu yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Perbincangan tentang pendidikan bahasa Melayu ini tidak terhenti pada peringkat itu sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak usaha dilaksanakan untuk mewujudkan sistem pelajaran kebangsaan dengan memberikan keutamaan terhadap bahasa Melayu pada zaman pascamerdeka, iaitu selepas negara mencapai kemerdekaan. Oleh itu, menerusi Akta Pelajaran 1961, bahasa Melayu ditetapkan sebagai bahasa pengantar utama di semua peringkat pendidikan.

Menurut Zulkifley Hamid dalam makalah “Faktor Persekitaran Sekolah dan Etnik dalam Perancangan dan Pelaksanaan Program Pendidikan Bahasa Melayu di Malaysia”, program Pendidikan Bahasa Melayu yang cemerlang ialah program yang dirancang secara menyeluruh, iaitu komponen pengetahuan bahasa yang diajar secara utuh atau dalam satu kesepaduan pada kadar yang memadai. Dengan erti kata lain, program Pendidikan Bahasa Melayu yang berkesan merangkumi seluruh aspek pengetahuan bahasa Melayu, iaitu kosa kata, sistem nahu, peraturan budaya, sistem nilai dan pelbagai kekangan sosial apabila seseorang itu berbahasa Melayu.

Dengan berdasarkan petikan tersebut, jelaslah bahawa pendidikan bahasa Melayu merupakan bidang yang luas dan meliputi dua aspek utama, iaitu seni bahasa dan tatabahasa. Menurut George Romiko Bujang dan Mary Fatimah Subet dalam makalah “Pengajaran – Pembelajaran Bahan Seni Bahasa: Aplikasi Semantik Inkuisitif dan Teori Relevans” pada tahun 2022, pendidikan bahasa Melayu bersifat mutidisiplin kerana keupayaannya untuk digabungkan dengan bidang disiplin ilmu yang lain, seterusnya mendorong pendidikan Bahasa Melayu untuk menjadi lebih menarik. Dalam hal ini, aspek yang mampu menjadikan pendidikan Bahasa Melayu lebih baik dan menarik ialah seni bahasa.

“

Elemen didik hiburan yang terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran seni bahasa merupakan suatu kaedah yang mendorong pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan, di samping menyokong pembelajaran bermakna. Pembelajaran melalui didik hiburan ini bukanlah perkara yang baharu.

”

Dalam makalah tersebut, pengkaji tersebut menyatakan bahawa bahan seni bahasa, seperti sajak dapat mewujudkan persoalan berbentuk kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kalangan pelajar.

Elemen didik hiburan yang terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran seni bahasa merupakan suatu kaedah yang mendorong pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan, di samping menyokong pembelajaran bermakna. Pembelajaran melalui didik hiburan ini bukanlah perkara yang baharu. Pendekatan ini telah dicadangkan pada tahun 2009 sewaktu kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) dilaksanakan pada tahun 2009. Pendekatan secara didik hiburan merupakan langkah untuk memenuhi hasrat kurikulum pada ketika itu, iaitu untuk menguasai asas bahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, pembelajaran Bahasa Melayu seharusnya menyeronokkan agar tidak wujud dalam kalangan pelajar persepsi bosan terhadap mata pelajaran tersebut. Bagi memastikan perkara ini berkesan kepada pelajar, Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) mencadangkan pengaplikasian pengajaran secara didik hiburan oleh guru.

Menurut Shamsudin Othman dalam makalah “Pelaksanaan Elemen Sastera dalam Pengajaran dan Pembelajaran Seni Bahasa Kurikulum Standard Sekolah Rendah”, didik hibur dapat mengupayakan dan membolehkan bahasa yang indah itu diperoleh secara mudah daripada teknik nyanyian, bercerita, berlakon dan mendeklamasikan puisi untuk dilaksanakan secara santai, tetapi bermakna.

Bertitik tolak daripada pemansuhan PPSMI kepada Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI), seni bahasa menjadi elemen penting dalam pendidikan bahasa Melayu. Isu seni bahasa dalam pengajaran Bahasa Melayu bukan isu kecil kerana pada 8 Julai 2009, kabinet menetapkan bahasa Melayu sebagai tunjang pendidikan negara. Seterusnya, pendekatan seni bahasa dan didik hibur diperkenalkan. Pendekatan didik hibur merupakan bentuk pedagogi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Usaha murni yang cuba diperkenalkan dalam sistem pendidikan masa ini harus dilihat dari sudut positif kerana mempelbagaikan strategi pengajaran Bahasa Melayu. Kepelbagaian pendekatan pengajaran yang diaplikasikan oleh seseorang guru dapat membantu meningkatkan pembangunan modal insan secara holistik.

Secara terperinci, pendekatan didik hibur bermaksud pendekatan pengajaran yang bersifat mendidik, tetapi santai, menyeronokkan, terkawal dan menghiburkan. Menurut Norlela Ahmad dan rakan-rakan dalam makalah “Penggunaan Kaedah Didik Hibur dalam Pengajaran Kemahiran Membaca Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah”, pendekatan didik hibur merupakan pendekatan pengajaran yang menyeronokkan untuk diikuti oleh pelajar yang memfokuskan penguasaan kemahiran asas bahasa. Oleh hal yang demikian, seharusnya teknik pengajaran dalam pendekatan didik hibur ini disatukan dalam sebuah modul.

Menurut Johari Hassan dan rakan-rakan dalam “Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) Subjek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information and Communication Technology) Tingkatan 4”, modul digunakan dalam pendidikan sebagai panduan dalam pengajaran dan pembelajaran serta pembelajaran sendiri. Modul merupakan suatu bentuk panduan atau latihan sendiri yang direka secara sistematik dan terancang mengikut keperluan atau sukatan yang ditetapkan.



Teknik bercerita satu daripada kaedah untuk meningkatkan kecekapan berbahasa pelajar.

Dalam pendidikan Bahasa Melayu, terdapat beberapa teknik pengajaran yang dapat diaplikasikan dalam pendekatan didik hibur. Antaranya termasuklah teknik bercerita. Teknik ini merupakan suatu teknik pengajaran yang digunakan oleh guru untuk menyampaikan isi pelajaran, menarik minat pelajar, mewujudkan rasa ingin tahu dalam kalangan pelajar dan membantu pelajar untuk terus mengikuti sesi pembelajaran. Teknik bercerita sangat sesuai untuk meningkatkan kecekapan berbahasa pelajar kerana kepelbagaian unsur dalam pelaksanaannya. Unsur tersebut ialah mimik muka, intonasi, gerak tubuh dan persembahan. Menurut Aishah Abdul Malek dan rakan-rakan dalam makalah “Pendekatan Bercerita Berasaskan Kurikulum Berkepelbagaian Budaya untuk Pembelajaran Literasi Awal Kanak-Kanak”, teknik bercerita berupaya meningkatkan kemahiran awal literasi, seperti kemahiran menulis, membaca dan mendengar. Kesannya, teknik ini membantu meningkatkan kemahiran berkomunikasi secara berkesan. Bukan itu sahaja, hasil dapatan daripada kajian tersebut membuktikan bahawa teknik bercerita bukan sahaja memudahkan pemahaman pelajar terhadap isi pelajaran, tetapi meningkatkan

kemahiran berbahasa seperti menambahkan perbendaharaan kata dalam kalangan pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana pelajar dapat mendengar perkataan baharu melalui teknik ini. Tegasnya, teknik bercerita yang diterapkan dalam modul variasi seni bahasa dalam pendidikan Bahasa Melayu pasti mampu mendorong penguasaan bahasa yang positif dalam kalangan pelajar.

Seterusnya, penerapan teknik nyanyian dalam modul variasi seni bahasa pendidikan Bahasa Melayu juga mampu menarik minat pelajar untuk mengikuti sesi pembelajaran di dalam kelas. Nyanyian merupakan satu daripada tujuh kecerdasan pelbagai menurut Teori Kecerdasan Pelbagai, yang diperkenalkan oleh Howard Gardner. Teknik nyanyian ini tergolong dalam teori kecerdasan pelbagai muzik. Teknik nyanyian sangat sesuai digunakan untuk menggantikan kaedah lama, iaitu teknik hafalan. Teknik hafalan ini membebankan pelajar kerana membosankan, tidak menarik dan tidak mewujudkan perasaan seronok dalam diri pelajar ketika belajar. Menurut Mohd Ridzuan Md Nasir dan rakan-rakan dalam makalah “Kaedah Pengajaran dan Bahan”, kaedah pengajaran dan bahan yang digunakan oleh guru, seperti kaedah hafalan dan kaedah merujuk kamus adalah membosankan dan tidak menarik sehingga menyebabkan minat pelajar terhadap peribahasa luntur. Oleh itu, perkara ini menjelaskan bahawa kaedah hafalan tidak sesuai digunakan dalam sesi pengajaran pada masa ini. Oleh hal yang demikian, teknik nyanyian antara teknik yang sesuai digunakan, lebih-lebih lagi untuk menyampaikan dan membantu pelajar mengingati kandungan pelajaran, seperti maksud peribahasa.

Hal ini disokong oleh Norasyima Hamzah dan rakan-rakan dalam makalah “Penggunaan Kaedah Nyanyian dalam Mata Pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi”. Pengkaji tersebut menjelaskan bahawa unsur nyanyian yang menggunakan muzik meningkatkan daya ingatan kerana pelajar dilatih melalui nyanyian. Perkara ini turut membuktikan bahawa teknik nyanyian merupakan teknik yang sangat sesuai digunakan untuk menggantikan teknik pengajaran bersifat tradisional yang memerlukan pelajar mengingati sesuatu kandungan pelajaran.

Selain itu, puisi juga merupakan teknik didik hibur yang dapat diaplikasikan ketika

sesi pengajaran. Walaupun zaman ini zaman moden, puisi sangat menarik untuk diterapkan dalam sesi pengajaran. Penerapan puisi dalam pengajaran dapat disesuaikan dengan pendekatan pengajaran abad ke-21. Terdapat pelbagai jenis puisi yang dapat dipilih oleh guru sebagai medium penyampaian kandungan pelajaran. Antaranya termasuklah syair, pantun, gurindam dan seloka. Penerapan puisi dalam pengajaran selaras dengan tonggak pengajaran abad ke-21, iaitu “belajar untuk tahu”, “belajar untuk buat”, “belajar untuk hidup bersama” dan “belajar untuk menjadi”. Dalam Teori Kecerdasan Pelbagai, Howard Gardner menjelaskan bahawa terdapat dua kecerdasan pelbagai yang berkait rapat dengan teknik nyanyian, iaitu kecerdasan interpersonal dan kecerdasan muzik.

Ani Haji Omar dalam makalah “Kesusasteraan dan Peranan Puisi dalam Kehidupan Kanak-Kanak”, menjelaskan bahawa puisi yang diperkenalkan kepada kanak-kanak dapat dijadikan bahan cerita oleh kanak-kanak untuk membina daya kreativiti dan emosinya. Kanak-kanak dapat mengetahui bentuk perkataan yang dapat dijadikan cerita berdasarkan puisi yang diperdengarkan, sekali gus dapat memantapkan perkembangan bahasa dan bunyi perkataan. Kanak-kanak juga dapat bercerita mengikut tahap kefahaman dan pengetahuannya berdasarkan perkara yang berlaku di kelilingnya. Oleh itu, jelaslah bahawa penerapan puisi dalam pengajaran Bahasa Melayu memberikan impak yang besar dalam peningkatan penguasaan kemahiran berbahasa pelajar.

Selain itu, teknik lakonan juga antara teknik didik hibur yang digemari oleh pelajar. Aktiviti lakonan dapat meningkatkan keupayaan diri secara menyeluruh, sama ada dari aspek rohani, emosi, intelektual, kreativiti, disiplin, sikap, estetika dan motivasi. Kesannya, pembelajaran Bahasa Melayu menjadi lebih bermakna. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti lakonan sangat memerlukan aspek emosi dan pengalaman untuk benar-benar menjayakannya. Tambahan pula, teknik lakonan memerlukan penggunaan bahasa yang betul dan gerak-geri tubuh yang baik.

Dalam pengajaran Bahasa Melayu, teknik lakonan merupakan sesuatu yang bersifat konkrit. Teknik ini berupaya menukarkan pengalaman abstrak ketika pembelajaran kepada pengalaman konkrit dalam dunia sebenar. Kesannya, pelajar memperoleh kefahaman yang jelas dan pengalaman yang bermakna untuk diaplikasikan dalam dunia sebenar.

Menurut Abdul Rasid Jamian dalam makalah “Pengaplikasian Teknik Didik Hibur Meningkatkan Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu”, teknik lakonan dalam didik hibur memberikan kesan yang jelas terhadap penulisan karangan pelajar. Teknik itu juga dapat meningkatkan penggunaan perbendaharaan kata dalam kalangan pelajar. Di samping berupaya meningkatkan keupayaan kemahiran menulis, teknik lakonan turut membantu meningkatkan daya ingatan pelajar tentang perkara yang dipelajari.

Sementara itu, Azani Ismail dan rakan-rakan dalam makalah “Membina Kemahiran Pertuturan menerusi Aktiviti Lakonan dalam Pengajaran Bahasa Arab”, aktiviti lakonan adalah antara aktiviti yang seharusnya digunakan dalam sesi pengajaran bahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti berpusatkan pelajar ini memberikan peluang kepada pelajar untuk belajar meneroka.

Ciri pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu ditetapkan oleh BPK. Penetapan ciri ini jelas menunjukkan bahawa penerapan didik hibur ini suatu yang serius. Ciri yang ditetapkan ialah:

- (1) Prosedur atau langkah pelaksanaan didik hibur disediakan agar objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai.
- (2) Tahap kebimbangan dan ketakutan dalam kalangan pelajar terhadap guru dikurangkan kerana konsepnya santai dan “berhibur”.
- (3) Pelbagai aktiviti yang menarik disediakan untuk pelajar.
- (4) Objektif yang ditetapkan oleh guru haruslah menjurus kepada penyelesaian masalah, pelbagai cara persembahan, tidak mengandungi elemen menang atau kalah dan tidak mempunyai unsur denda atau ganjaran.
- (5) Aktiviti yang disediakan oleh guru dalam teknik didik hibur haruslah secara berkumpulan agar pelajar didik dengan sikap saling bekerjasama dalam satu pasukan.
- (6) Pelajar diberi kebebasan untuk memberikan pendapat dan buah fikiran, serta bebas bergerak, menyanyi dan berlakon.

Kesimpulannya, modul seni bahasa yang menerapkan variasi didik hibur menyumbang kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar kerana pelajar mudah memahami kandungan pelajaran yang ingin

disampaikan oleh guru. Pendekatan didik hibur ini dilihat sebagai pendekatan berbentuk hiburan, menyeronokkan dan santai, tetapi terkawal. Tegasnya, empat elemen utama dalam pendekatan didik hibur seharusnya diberikan fokus utama melalui modul seni bahasa, iaitu teknik bercerita, nyanyian, puisi dan lakonan. Kesannya, pengajaran Bahasa Melayu akan lebih menyeronokkan dan teratur. Bukan itu sahaja, pastinya modul seni bahasa yang menerapkan variasi didik hibur akan mendorong pembelajaran bahasa yang mudah diikuti oleh pelajar dan bermakna. Tambahan pula, pendekatan didik hibur ini berupaya mendedahkan pelajar tentang keindahan bahasa dalam aspek gaya bahasa, seperti peribahasa, kiasan, simile dan personafikasi. Oleh hal yang demikian, modul seni bahasa yang menerapkan variasi didik hibur diharapkan dapat membantu pelajar menguasai kemahiran berbahasa dalam bahasa Melayu dengan mudahnya, di samping membantu guru menyampaikan isi pelajaran dengan berkesannya. Modul seni bahasa yang dimaksudkan ini selaras dengan matlamat KSSR, iaitu usaha untuk mentransformasikan pendidikan bahasa Melayu agar seiring dengan peredaran zaman yang menekankan pembelajaran holistik dan pembelajaran abad ke-21. 

